

**SOALAN NO. 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH :** **23 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyediakan semua jawapan Parlimen secara dalam talian agar senang dirujuk bukan sahaja oleh Ahli bahkan juga orang awam.

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, laman web Parlimen Malaysia sedang dalam proses untuk ditransformasikan supaya lebih tersusun, informatif, menarik dan mesra pengguna.

Parlimen Malaysia mengambil maklum mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menyediakan semua jawapan Parlimen secara dalam talian. Kesesuaian pelaksanaannya perlu diperhalusi bagi memastikan ia dapat dibuat dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.